KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	10.09.22	MUKA SURAT	:	7
JABATAN	:	PERHILITAN			

Perhilitan tangkap beruang matahari dalam kebun ubi

Sekinchan: Beruang matahari yang berkeliaran di sawah padi di Ban Canal, Parit 13, Sungai Nibong di sini, hujung bulan lalu berjaya ditangkap Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), kelmarin.

Pengarah Perhilitan Selangor Dennis Ten Choon Yung berkata, haiwan liar itu ditangkap di Parit 12, Sungai Nibong pada jam 2 pagi.

Menurutnya, Perhilitan sebelum ini menjalankan pemantauan harian susulan aduan awam mengenai haiwan terbabit.

"Operasi menyelamat kemudian digerakkan bersama Pusat Menyelamat Hidupan Liar Sungkai selepas menerima aduan terbaharu, Khamis lalu.

"Perhilitan Sabak Bernam membuat rondaan dan menemui seekor beruang di dalam kawasan kebun ubi.

"Penjejakan kemudian diteruskan dan menjumpai kesan umbut kelapa yang musnah dipercayai akibat perbuatan haiwan itu," katanya ketika dihubungi, kelmarin.



BERUANG matahari yang berkeliaran di sawah padi Ban Canal, Parit 13, Sungai Nibong, berjaya ditangkap Perhilitan.

Menurutnya, tembakan pelali ke atas beruang itu berjaya dilakukan pihaknya pada jam 8 pagi.

"Doktor veterinar Perhilitan kemudian melakukan pemeriksaan morfologi dan kesihatan haiwan itu. Beruang terbabit didapati berada dalam keadaan sihat," katanya.

Choon Yung berkata, beruang matahari itu kemudian dibawa ke Pejabat Perhilitan bagi persediaan pelepasan semula ke habitat asal.

Terdahulu, media pada 29 Ogos lalu melaporkan penduduk gempar apabila menemui seekor beruang berkeliaran di sawah padi di Parit 13.

Kejadian kira-kira jam 7 pagi itu disedari seorang wanita yang merakam video pergerakan haiwan liar berkenaan di belakang rumahnya.

HM120922_7